



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan
Profesional dan
Pendidikan
Berterusan
(SPACE)

BUKU PANDUAN KEWANGAN

PROGRAM ASASI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PELAJAR TEMPATAN



EDISI 3 / 2024

Diterbitkan oleh:
Pusat Pengajian Ijazah dan Asasi SPACE

Edisi Ketiga, 2024

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dalam apa juga bentuk pun dan dengan apa cara juga sama ada elektronik, fotostat, rakaman, visual atau cara lain, mana-mana bahagian artikel / ilustrasi / isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada:

Edisi Pertama, 2019

Edisi Kedua, 2020

Pusat Pengajian Ijazah dan Asasi
Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (SPACE)
Aras 4 & 5, Blok T05
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai, Johor Bahru
Johor, Malaysia.

Tel : +607-531 8061 / 7061 / 8069

Fax : 07-561 0339

Emel : foundation@utm.my

Website : <http://space.utm.my/foundation/>

SENARAI KANDUNGAN

<u>BIL</u>	<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
	PANDUAN KEWANGAN UNTUK PELAJAR TEMPATAN	
1	STRUKTUR YURAN PENGAJIAN	2
2	STRUKTUR YURAN ASRAMA	2
3	TEMPOH PEMBAYARAN	2
4	KAEDAH PEMBAYARAN	3
5	JENIS-JENIS DENDA	3
6	TARIK DIRI KURSUS / BERHENTI PENGAJIAN	4
7	TANGGUH PENGAJIAN	4
8	ULANG GRED (UG) DAN ULANG KURSUS (UK)	4
9	IMPLIKASI TERHADAP PELAJAR YANG GAGAL MENJELASKAN BAYARAN	4
10	INSURAN	5

1. STRUKTUR YURAN PENGAJIAN

Jadual 1.1: Kadar Yuran Pengajian Semester Lazim

SEMESTER	YURAN PENDAFTARAN (RM)	YURAN PENGAJIAN (RM)	JUMLAH (RM)
I (Julai)	1,450.00 (termasuk pemeriksaan kesihatan RM150)	4,250.00	5,700.00
II (Januari)		4,250.00	4,250.00
JUMLAH			9,950.00

2. STRUKTUR YURAN ASRAMA

Jadual 2.1: Kadar Yuran Asrama Semester Lazim

SEMESTER	KADAR YURAN/SEMESTER (RM)
	BILIK BERDUA
I (Julai)	1,500.00
II (Januari)	1,500.00
JUMLAH	3,000.00

3. TEMPOH PEMBAYARAN

Tempoh-tempoh pembayaran adalah seperti berikut :-

3.1 Tempoh Pembayaran Pelajar Baharu Sahaja

Pembayaran Yuran Pendaftaran dan Yuran Pengajian Pelajar Baharu MESTI dijelaskan di antara tempoh terima tawaran kemasukan sehingga hari pendaftaran pelajar baharu.

3.2 Tempoh Pembayaran Pelajar Kanan

3.2.1 Pembayaran Yuran Pengajian semester semasa MESTI dijelaskan sebelum semester baru bermula. Manakala yuran pengajian bagi semester berikutnya MESTI dijelaskan selewat-lewatnya pada hari pertama selepas cuti pertengahan semester / dalam tempoh minggu pertama sehingga minggu keempat kuliah.

3.2.2 Pelajar yang gagal melunaskan jumlah keseluruhan yuran tertunggak sebelum semester baru bermula akan dikenakan denda 'Lewat Buat Bayaran' sebanyak RM 5 sehari, maksimum 28 hari (RM 140).

4. KAEDAH PEMBAYARAN

4.1 Pembayaran secara Tunai

Boleh dilakukan di mana-mana cawangan CIMB dengan menggunakan Slip Bank Khas yang telah dicetak oleh pihak UTMSPACE.

4.2 Pembayaran secara Atas Talian (Online)

Pembayaran dibuat secara Pindahan Akaun atau Kad Kredit melalui laman web UTMSPACE:

<http://apps.foundation.utmspace.edu.my/student/payments>

4.3 Pembayaran secara Perbankan Internet / Kaunter Bank / Mesin Deposit Tunai (CDM)

Pembayaran boleh dibuat kepada:

Nama Akaun : **UTMSPACE**

Nama Bank : **CIMB Bank Berhad**

No. Akaun : **8601518228**

SWIFT Code : **CIBBMYKL**

(Slip pembayaran perlu diemel kepada **bkwib@utmspace.edu.my**. Sila sertakan **nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon** dan **alamat emel** di slip pembayaran tersebut)

4.4 Pembayaran secara Kad Kredit atau Debit Kad

Boleh dilakukan di kaunter Bahagian Kewangan UTMSPACE Johor Bahru, Aras 5, Blok T05, UTM Skudai, Johor.

Waktu Operasi: Isnin - Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Atau di kaunter Bahagian Kewangan UTMSPACE Kuala Lumpur, Aras 3, Blok H, UTM Kuala Lumpur, Jalan Semarak.

Waktu Operasi: Isnin - Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

4.5 Semakan Pembayaran

Boleh disemak di laman web berikut:

<http://apps.foundation.utmspace.edu.my/student>

5. JENIS-JENIS DENDA

Jadual 5.1: Jenis dan Kadar Denda

BIL	JENIS DENDA	KADAR (RM)
1	Denda Lewat Daftar Kursus	25 / kursus
2	Denda Lewat Buat Bayaran	5 / hari (≤ 140)

6. TARIK DIRI KURSUS / BERHENTI PENGAJIAN

Jadual 6.1: Tempoh dan Peratus Yuran Dikenakan

TEMPOH	YURAN PENDAFTARAN	YURAN PENGAJIAN	YURAN ASRAMA
Hari pendaftaran sehingga Minggu Keempat Pengkuliahahan	100%	50%	100%
Minggu Kelima sehingga Minggu Akhir Pengkuliahahan	100%	100%	100%

- 6.1 Caj Yuran Pendaftaran, Yuran Pengajian dan Yuran Asrama yang dikenakan merujuk kepada tarikh permohonan untuk berhenti / tarik diri seperti di Jadual 6.1.
- 6.2 Baki yuran tertunggak perlu dijelaskan dalam tempoh **30 hari** dari tarikh surat kelulusan pemberhentian dikeluarkan.
- 6.3 Pemulangan lebihan yuran (sekiranya ada), dilakukan dalam tempoh **30 hari** setelah penyesuaian keseluruhan yuran dilakukan.

7. TANGGUH PENGAJIAN

Pelajar yang menangguh pengajian pada mana-mana semester dikehendaki membayar **Yuran Perkhidmatan** sebanyak RM250 per semester.

8. ULANG GRED (UG) DAN ULANG KURSUS (UK)

- 8.1 Pelajar yang mengulang gred dikenakan yuran sebanyak **RM 50 per kredit**.
- 8.2 Pelajar yang mengulang mata pelajaran perlu membayar yuran sebanyak **RM 170 per kredit**.

9. IMPLIKASI TERHADAP PELAJAR YANG GAGAL MENJELASKAN BAYARAN

Pelajar yang gagal menjelaskan semua bayaran di dalam tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan berikut :-

- 9.1 Denda
- 9.2 Tidak dibenarkan membuat pendaftaran
- 9.3 Tidak dibenarkan menduduki peperiksaan
- 9.4 Ditahan keputusan peperiksaan
- 9.5 Tidak dibenarkan menghadiri kuliah
- 9.6 Ditahan transkrip dan sijil

10. INSURAN

- 10.1 UTMSPACE telah menyediakan 'INSURAN PELAN TAKAFUL KELUARGA BERKELOMPOK' bagi kemudahan pelajar.
- 10.2 Jenis perlindungan dan kadar pampasan adalah tertakluk kepada perjanjian polisi insuran.
- 10.3 Borang tuntutan boleh didapati di pejabat UTMSPACE Johor Bahru.

Semua maklumat dalam buku panduan ini adalah benar pada masa ia dicetak dan UTMSPACE berhak membuat sebarang pindaan apabila dianggap perlu tanpa membuat pengumuman terlebih dahulu. (Tarikh Kuatkuasa: 15 Julai 2024).